

23/01/1998

Perbalahan Umno rugikan BN Kelantan

Mohd Shah Abdullah

SEPANJANG ingatan, pada setiap tahun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sedaya upaya meluangkan masa untuk melawat Kelantan pada Ramadan. Biasanya lawatan kerja beliau hanya mengambil masa sehari sehingga waktu berbuka, sebelum berlepas pulang semula ke ibu negara.

Kunjungan beliau bukan sekadar atas kedudukannya selaku Ketua Kerajaan tetapi juga selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, jawatan yang disandangnya sejak Pas mengambil alih teraju kerajaan negeri daripada Barisan Nasional (BN) pada 1990.

Oleh itu, setiap kali kehadiran beliau ke negeri ini memang dinantikan oleh rakyat untuk mengetahui apa lagi dan apa pula yang hendak disampaikan oleh Perdana Menteri. Sudah lebih tujuh tahun Kelantan kekal di bawah teraju pimpinan Pas, menjadikan Kelantan satu-satunya negeri yang berada di bawah kerajaan pembangkang.

Selama tempoh itu jugalah, suasana politik, krisis dan kemelut politik Kelantan menarik perhatian umum. Jika tidak membabitkan hubungan kerajaan Kelantan dan Kerajaan Pusat, ia berkaitan krisis sesama sendiri, termasuk Pas, malah tidak terkecuali pergolakan dan percaturan dalam Umno/BN sendiri.

Kali ini Perdana Menteri akan mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno di Rumah Sri Kelantan, di Jalan Telipot, Kota Bharu. Sudah tentu ada sesuatu mesej daripada beliau memandangkan bakal berlaku pertandingan sengit dalam Umno di peringkat bahagian pada Mac ini. Antara paling hangat ialah kononnya Ahli Majlis Tertinggi (MT), Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Melor akan mencabar Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa. Beberapa bahagian lain juga nampaknya tidak dapat mengelak berlakunya pertandingan.

Tentulah Dr Mahathir tidak senang dengan perkembangan yang berlaku di Kelantan. Ketika negara berdepan dengan kegawatan ekonomi manakala seluruh rakyat, termasuk pembangkang yang berpadu di belakang kepemimpinan negara mencari rumusan terbaik menyelesaikan masalah ini, Umno Kelantan 'lemas' tidak ketahuan punca dan arah, terus bertarung sesama sendiri.

Sedang mereka semua tahu, sedikit saja keretakan dalam Umno sudah pasti membawa belah. Apa lagi perpecahan lebih besar, Umno akan menanggung musibahnya. Sejarah ini tidak boleh dipadamkan begitu saja dan rekod memang menunjukkan setiap kali berlaku pergeseran dan perbalahan sesama sendiri, Umno Kelantan musnah.

Peristiwa paling pahit ialah pada pilihan raya umum 1990. Sehingga sekarang Umno dan BN masih mencari formula terbaik untuk bangkit menawan semula Kelantan daripada Pas, malangnya belum menemui adunan resipi paling mujarab.

Apakah Perdana Menteri selaku Ketua Perhubungan Umno Kelantan 'merestui' pertandingan di peringkat bahagian pada Mac ini, lebih-lebih lagi membabitkan calon 'heavyweight'. Tentulah ia sesuatu yang menyulitkan kerana jawapan 'tidak' akan menyebabkan beliau dituduh antidemokrasi. Sedangkan Umno sebuah parti demokrasi yang mengizinkan pertandingan. Selepas pertandingan semua pihak akan berbaik semula, ibarat biduk lalu, kiambang bertaut. Namun semudah itukah percaturan dan rasionalnya?

Pada pandangan kedua, kemungkinan ada baiknya juga pertandingan yang dirancang diteruskan. Dalam konteks Umno Kelantan, pertandingan mungkin membuka ruang untuk mencari, menyaring dan menapis calon yang lebih baik.

Memang Umno Kelantan memerlukan hanya yang terbaik, berkualiti dan cemerlang untuk menerajui Kelantan dalam menghadapi saingan Pas.

Sebelum majlis berbuka puasa di Bukit Marak, Perdana Menteri dijadual menyampaikan amanat khas kepada Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kelantan, pegawai kanan kerajaan negeri dan Persekutuan. Sudah pasti Dr Mahathir tidak dapat mengelak daripada memperkatakan harapan beliau agar BN kembali menerajui Kelantan sungguhpun perhatian kini lebih tertumpu kepada usaha untuk memulihkan kedudukan ekonomi negara dan menstabilkan ringgit.

Sebagai ketua kerajaan dan ketua parti, Dr Mahathir akan terus memberi nasihat dan amanat. Menjadi tanggungjawab ahli parti pula untuk berfikir serta mematuhi segala nasihat itu. Peraturan, undang-undang dan larangan boleh dilakukan pada bila-bila masa tetapi pada analisis terakhir, ahli parti sendiri harus jujur, amanah dan bertanggungjawab. Quo Vadis Umno Kelantan?

(END)